

Jumaat, 3 April 2020 | 11:36am

COVID-19: ATM guna dron tingkat pemantauan PKPD di Simpang Renggam

Oleh Nurul Amanina Suhaini
bhnews@bh.com.my

JOHOR BAHRU: Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menggunakan dron untuk mempertingkatkan pemantauan dari udara terhadap pematuhan dan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Simpang Renggam, Kluang.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, R Vidyanathan, berkata ATM turut menghantar dua pasukan daripada Bahagian Perisikan Pertahanan, Kementerian Pertahanan, selama dua hari bermula hari ini, bagi memastikan masyarakat setempat mematuhi arahan PKPD.

Beliau menegaskan, kerajaan negeri komited untuk terus bersiap siaga menghadapi kes wabak COVID-19 di negeri ini.

"Hingga hari ini, 14 stesen kuarantin sudah diaktifkan di Johor bagi penempatan pesakit COVID-19 yang memerlukan pengawasan pasukan kesihatan.

"Semalam, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Johor melaksanakan operasi Sanitasi Awam COVID-19 di semua daerah negeri ini.

"Ia membabitkan kerjasama Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), SWM, pihak berkuasa tempatan (PBT) serta Jabatan Kesihatan Johor," katanya dalam hebahan media secara langsung melalui Facebook, hari ini.

Selain itu, Vidyanathan berkata, bagi memastikan bekalan makanan keperluan harian dalam pasaran mencukupi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), seramai 200 pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) digerakkan bagi membuat pemeriksaan di premis runcit, pemborong serta pengilang di seluruh negeri ini.

"Hingga semalam, sebanyak 72 premis peruncit, pemborong dan pengilang diperiksa. Hasil pemeriksaan menunjukkan antara barang keperluan yang mendapat permintaan tinggi ialah gula, minyak masak, tepung gandum, telur, beras, sardin dan mi segera.

"Bekalan barangan keperluan ini didapati mencukupi dan mudah diperolehi di seluruh Johor," katanya.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan juga mendapati stok bekalan barangan keperluan oleh pemborong adalah mencukupi bagi menampung permintaan harian.

Setakat semalam, Vidyanathan berkata, Jabatan Kesihatan Johor melaporkan 27 jangkitan baharu COVID-19 yang menjadikan jumlah mencecah 395 kes, selain tiga kematian baharu direkodkan di negeri ini.



Anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 5 melakukan rondaan di Kampung Bandar Baharu Dato' Ibrahim Majid, Simpang Renggam, susulan pelaksanaan PKPD. - NSTP/FATHIL ASRI

"Purata peratusan pematuhan terhadap PKP di Johor pada 2 April (semalam) pula ialah 96.96 peratus.

"Justeru, kerajaan negeri menyeru orang ramai supaya terus mematuhi arahan PKP bagi memastikan kita berjaya memutuskan rantaian penularan wabak COVID-19," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/672422/covid-19-atm-guna-dron-tingkat-pemantauan-pkpd-di-simpang-renggam>